

Sekolah Yang Mana Untuk Anak Saya?

Panduan untuk Ibu Bapa yang mempunyai Anak-Anak dengan Keperluan Pendidikan Khas



Ministry of Education
SINGAPORE

© Apr 2022 Kementerian Pendidikan, Republik Singapura

Semua hak terpelihara. Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula dalam apa jua bentuk tanpa kebenaran bertulis daripada pemilik hak cipta. Seluruh kandungan buku ini telah diterbitkan semula dengan pengetahuan dan kebenaran pihak-pihak yang terlibat terlebih dahulu dan penulis, penerbit, agensi kreatif, atau pencetak buku ini tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta atau selainnya yang timbul daripada kandungan penerbitan ini. Segala usaha telah diambil untuk memastikan bahawa kredit-kredit menepati maklumat yang dibekalkan. Kami memohon maaf jika terdapat sebarang kesilapan dan akan memperbetulkan maklumat yang tertinggal atau yang tidak tepat dalam cetakan semula penerbitan seterusnya.

Diterbitkan oleh

Kementerian Pendidikan
51 Grange Road
Singapura 249564
www.moe.gov.sg

Penerbitan Bahagian Keperluan Pendidikan Khas (SEND),
Kementerian Pendidikan

Dicetak di Singapura

Boleh didapati dalam talian di laman web Kementerian Pendidikan di
<https://www.moe.gov.sg/special-educational-needs>

Sekolah Yang Mana Untuk Anak Saya?

Panduan untuk Ibu Bapa yang mempunyai Anak-Anak dengan Keperluan Pendidikan Khas







Ministry of Education
SINGAPORE

Kehadiran Para Ibu Bapa,

Panduan ini ditulis untuk membantu anda menentukan persekitaran pendidikan yang paling sesuai untuk menyokong anak anda.

Beberapa kanak-kanak yang mempunyai Keperluan Pendidikan Khas (SEN) memerlukan bantuan tambahan dalam pendidikan mereka. Bagi kebanyakan kanak-kanak, bantuan tambahan boleh disediakan di sekolah arus utama. Ada pula yang mungkin memerlukan sokongan yang lebih intensif dan disesuaikan yang hanya boleh ditawarkan oleh sekolah-sekolah pendidikan khas (SPED). Kanak-kanak yang mempunyai SEN boleh merealisasikan potensi mereka sepenuhnya dan menjalani kehidupan yang bermakna dan bermatlamat sekiranya mereka diberikan sokongan pendidikan yang sesuai dengan keperluan mereka.

Panduan ini bertujuan untuk membantu anda memahami:


-  Apakah yang dimaksudkan dengan SEN
-  Cara anda boleh menyokong anak anda
-  Sokongan yang disediakan di sekolah arus utama dan sekolah SPED
-  Cara untuk memohon ke sekolah arus utama atau sekolah SPED

Kami berharap agar panduan ini berguna dalam usaha anda mencari sokongan pendidikan yang paling sesuai untuk anak anda. Buku panduan ini tidak bertujuan untuk menggantikan nasihat ahli profesional. Perlu diingatkan bahawa setiap kanak-kanak berbeza, maka sesuaikan maklumat yang terkandung dalam panduan ini untuk anak anda.

Yang benar,
Kumpulan di Bahagian SEN, MOE



PANDUAN TERPERINCI



MEMAHAMI KEPERLUAN ANAK ANDA DAN CARA MENDAPATKAN SOKONGAN	
<input type="checkbox"/> Memahami keperluan pendidikan khas	5
<input type="checkbox"/> Mencari ahli profesional yang berkelayakan	6
<input type="checkbox"/> Mendapatkan penilaian untuk anak anda	7
<input type="checkbox"/> Mengetahui keperluan anak anda	8
<input type="checkbox"/> Mendapatkan penjelasan tentang keperluan dan rancangan sokongan untuk anak anda	11
<input type="checkbox"/> Mendapatkan sokongan	12
MEMPERTIMBANGKAN PILIHAN	
<input type="checkbox"/> Memahami penempatan pendidikan yang disyorkan	16
<input type="checkbox"/> Mengetahui lebih lanjut tentang sekolah-sekolah	21
<input type="checkbox"/> Pertimbangan lain untuk difikirkan	22
<input type="checkbox"/> Senarai sekolah-sekolah SPED	23
MEMOHON TEMPAT DI SEKOLAH	
<input type="checkbox"/> Dapatkan butir-butir proses permohonan	29
<input type="checkbox"/> Sediakan dokumen-dokumen penting	30
<input type="checkbox"/> Ambil perhatian tarikh-tarikh penting	31
MENYOKONG PERALIHAN ANAK ANDA	
<input type="checkbox"/> Bekerja rapat dengan sekolah sekarang dan sekolah baharu	35
<input type="checkbox"/> Mempersiapkan anak anda untuk peralihan	37
<input type="checkbox"/> Apakah kemahiran yang diperlukan oleh anak anda di sekolah	39
<input type="checkbox"/> Bila dan bagaimana untuk membuat persediaan ke sekolah	40
MAKLUMAT LANJUT	
<input type="checkbox"/> Laluan-laluan pendidikan	41

1

MEMAHAMI KEPERLUAN ANAK ANDA DAN CARA MENDAPATKAN SOKONGAN

Setiap kanak-kanak mempunyai kebolehan minat dan keperluan yang berbeza. Beberapa kanak-kanak mungkin memerlukan bantuan dan sokongan tambahan untuk belajar atau menyesuaikan diri secara sosial.

Mereka mungkin memerlukan lebih banyak bantuan berbanding dengan rakan sebaya dalam hal-hal seperti membaca, berkomunikasi atau berkawan.



MEMAHAMI KEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS (SEN)

Memahami kebolehan, minat dan keperluan anak anda boleh membantu anda mengenal pasti sokongan yang tepat untuknya.

Ketahui lebih lanjut tentang keperluan anak anda dengan berbual bersama guru-gurunya dan para profesional yang menguruskannya.

Anda boleh membaca buku tentang SEN yang ditulis oleh ahli profesional untuk memahami tentang keperluan anak anda dengan lebih lanjut. Anda juga boleh melayari laman web pertubuhan-pertubuhan yang boleh dipercayai (contohnya pertubuhan-pertubuhan nasional).

Untuk memahami keperluan anak anda dan persekitaran pendidikan yang paling sesuai untuknya dengan lebih lanjut, anda harus mendapatkan nasihat ahli profesional yang bertauliah.



Seorang kanak-kanak dianggap mempunyai SEN apabila dia:

- 1 Mempunyai kekurangan upaya¹; dan
- 2 Memerlukan sumber tambahan dan/atau yang berlainan selain perkara yang pada umumnya disediakan untuk kebanyakan kanak-kanak usia; dan

- 3 Menunjukkan sama ada dia mempunyai
 - Kesukaran belajar yang lebih tinggi berbanding dengan kebanyakan kanak-kanak usia;

ATAU

- Kesukaran menggunakan kemudahan pendidikan yang disediakan untuk kebanyakan kanak-kanak usia;

ATAU

- Beberapa kekurangan daripada segi sosial, akademik, fizikal atau fungsi deria

¹Di Singapura, orang kurang upaya ditakrifkan sebagai "mereka yang mempunyai peluang yang sangat terhad untuk mendapatkan, mengekalkan tempat dan maju dalam institusi pendidikan dan latihan, pekerjaan dan rekreasi sebagai anggota masyarakat yang setaraf disebabkan oleh kekurangan upaya fizikal, deria, intelek dan perkembangan" (definisi orang kurang upaya yang diterima pakai oleh Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF) dalam Pelan Induk Pemerksaan (2007-2021).



MENCARI AHLI PROFESIONAL YANG BERKELAYAKAN

Ahli profesional yang berkelayakan boleh membantu anda lebih memahami keperluan anak anda dan persekitaran pendidikan yang paling sesuai untuknya.

Jika anak anda berusia kurang daripada tujuh tahun, anda boleh mendapatkan nasihat **ahli profesional** (contohnya doktor, ahli psikologi, ahli terapi) di **hospital pemerintah/hospital yang disusun semula** bagi penilaian ahli profesional.

Jika anak anda sedang bersekolah dalam arus utama, anda boleh mendapatkan nasihat **ahli psikologi** daripada **Kementerian Pendidikan (MOE)** melalui guru darjah anak anda.

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan nasihat ahli profesional swasta yang berkelayakan.

Periksa kelayakan ahli profesional yang akan menilai anak anda. Beliau harus mempunyai kelayakan dan pengalaman yang relevan kerana penilaian beliau akan mempengaruhi saranan-saranan yang akan diberikan untuk pendidikan anak anda.




² <https://singaporepsychologicalsociety.org/members-directory/>



MENDAPATKAN PENILAIAN UNTUK ANAK ANDA

Penilaian yang dijalankan secara profesional ke atas anak anda biasanya termasuk:



Bawa maklumat mengenai anak anda (contohnya, rekod perubatan, laporan-laporan sekolah) apabila anda menemui seorang ahli profesional.

Lanjutan daripada penilaian ini, anda boleh menjangkakan untuk menerima laporan yang mungkin turut menyertakan:

- 1 **Profil holistik** anak anda, termasuk kebolehan dan keperluan anak anda daripada segi pembangunan fizikal, komunikasi, pembelajaran dan/atau fungsi sosial-emosi
- 2 **Diagnosis yang jelas** tentang SEN anak anda

Harus diingati bahawa sesuatu diagnosis tidak mengubah anak anda. Diagnosis tersebut memberi anda pemahaman yang lebih baik tentang keperluan anak anda.
- 3 **Keperluan pendidikan** anak anda
- 4 Saranan yang praktikal dan berkesan bagi **intervensi** dan **sokongan** untuk anak anda



MENGETAHUI KEPERLUAN ANAK ANDA

Anak anda mungkin mempunyai satu atau lebih bidang keperluan yang berikut setelah penilaian:



Bergantung kepada diagnosis SEN anak anda, dia mungkin mengalami kesukaran khusus yang berkaitan seperti yang berikut:

Diagnosis SEN	Kesukaran Khusus
Disleksia	<ul style="list-style-type: none"> ■ Membaca ■ Mengeja ■ Menulis
Gangguan Bahasa	<ul style="list-style-type: none"> ■ Memahami dan/atau menggunakan perbendaharaan kata yang dituturkan ■ Memahami penjelasan yang terlalu panjang ■ Memberitahu cerita secara lengkap
Gangguan Kurang Daya Tumpuan dan Hiperaktif (ADHD)	<ul style="list-style-type: none"> ■ Kurang daya tumpuan ■ Hiperaktif ■ Impulsif
Gangguan Spektrum Autisme (ASD)	<ul style="list-style-type: none"> ■ Komunikasi dan interaksi sosial (contohnya, bertindak balas dalam perbualan, hubungan mata, membina hubungan) ■ Tingkah laku dan minat yang terhad dan berulang-ulang (contohnya, corak pemikiran yang kaku, minat yang berlebih-lebihan dalam topik tertentu)
Gangguan Komunikasi Sosial (SCD)	<ul style="list-style-type: none"> ■ Menggunakan bahasa bagi tujuan sosial (contohnya, memberikan ucap selamat) ■ Mengubah gaya perbualan untuk disesuaikan pada konteks sosial yang berbeza ■ Memahami maklumat yang tersirat tetapi tidak dinyatakan secara jelas (contohnya, metafora, sindiran)

Diagnosis SEN

Kesukaran Khusus

Kurang Upaya Intelek (ID)

- Fungsi adaptif³, iaitu keupayaan untuk menangani tuntutan harian dalam kehidupan secara berdikari
- Fungsi kognitif, iaitu keupayaan untuk menumpukan perhatian, menjana idea, membuat pertimbangan dan mengingat

Hilang Pendengaran

- Hilang keupayaan untuk mendengar sama ada sebahagian atau sepenuhnya

Ketakdayaan Penglihatan

- Hilang sebahagian penglihatan atau buta
- Keupayaan melihat yang berkurangan secara ketara yang tidak boleh dibaiki dengan cermin mata atau kanta lekap biasa


Palsi Serebral

- Koordinasi otot yang lemah
- Kemampuan untuk bergerak dan mengawal pergerakan yang berkurangan

Kurang Upaya yang Berpelbagai

- Lebih daripada satu kekurangan upaya utama

Walaupun perkara-perkara yang disebutkan di atas merupakan diagnosis umum, diagnosis bagi setiap kanak-kanak berbeza. Dua orang kanak-kanak yang memiliki diagnosis yang sama mungkin mempunyai keperluan yang amat berbeza dan mungkin menunjukkan kemajuan pada kadar yang berbeza.



Kanak-kanak menunjukkan kemajuan yang terbaik apabila mereka menerima sokongan yang sesuai dengan keperluan individu mereka.

³ Temasuk kemahiran komunikasi, penjagaan diri, motor dan sosial

MENDAPATKAN PENJELASAN TENTANG KEPERLUAN DAN RANCANGAN SOKONGAN UNTUK ANAK ANDA

Bincangkan dengan ahli profesional tentang sokongan yang anak anda perlukan. Berikut merupakan beberapa pertanyaan yang mungkin anda ingin ajukan:



Mengenai kemungkinan diagnosis dan rawatan keseluruhan

- Apakah bidang kesukaran yang harus saya utamakan terlebih dahulu?
- Bagaimanakah harus saya jelaskan SEN kepada anak saya dan ahli keluarga yang lain?
- Apakah pilihan-pilihan terapi⁴ yang tersedia untuk anak saya? Terapi manakah yang akan anda syorkan dan mengapa?
- Apakah kemajuan yang boleh saya jangkakan untuk anak saya dalam beberapa tahun akan datang?



Mengenai intervensi di rumah

- Apakah intervensi dan strategi yang boleh saya gunakan di rumah?
- Apakah sumber-sumber yang boleh anda syorkan?
- Bagaimanakah saya boleh terus bekerjasama dengan ahli profesional untuk membantu anak saya?



Mengenai penempatan pendidikan dan sokongan di sekolah

- Apakah pilihan-pilihan sekolah yang perlu saya pertimbangkan untuk anak saya?
- Apakah bentuk sokongan-sokongan yang terdapat di sekolah arus utama dan/atau sekolah SPED yang boleh membantu anak saya?

⁴ Khidmat terapi (contohnya terapi cara kerja, fisioterapi dan terapi bahasa pertuturan) harus disediakan oleh Para Ahli Profesional Kesihatan Bersekutu yang berdaftar (ditadbir oleh Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2011).



MENDAPATKAN SOKONGAN

Ramai ibu bapa mengalami pelbagai emosi dalam usaha untuk memahami SEN anak mereka. Antaranya termasuk perasaan risau, sedih, marah, takut, bersalah, terkejut, lega, reda dan berharap.



Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (PSG) boleh menjadi sumber kekuatan yang mana ibu bapa yang telah melalui pengalaman serupa saling memahami dan boleh menawarkan maklumat dan nasihat yang berharga.



Mungkin terdapat PSG di sekolah anak anda yang boleh anda rujuk. Terdapat juga PSG bagi ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya yang khusus, seperti SPARK⁵ untuk ibu bapa kepada anak-anak yang mengalami ADHD.

“

Jangan takut untuk bertanya dan meminta bantuan. Ingatlah bahawa anda tidak bersendirian.

”

⁵ <http://www.spark.org.sg>

Pertubuhan-pertubuhan lain yang boleh menyokong anak anda ialah:

Perkhidmatan Kesihatan Kanak-Kanak



Hospital Wanita dan Kanak-Kanak KK⁶



Hospital Universiti Nasional⁷



Klinik Bimbingan Kanak-Kanak⁸



Khoo Teck Puat - Institut Perubatan Kanak-Kanak Universiti Nasional⁹

Agensi berasaskan Masyarakat

Pusat Khidmat Keluarga:

Pusat sumber berasaskan masyarakat yang menawarkan pelbagai perkhidmatan masyarakat untuk keluarga yang memerlukan

SG Enable¹⁰



Memperkasa golongan kurang upaya dengan menyediakan khidmat rujukan, geran dan latihan daya kerja

Agensi-agensi Perkhidmatan Sosial (SSAs)

Pusat-Pusat Program Intervensi Awal untuk Bayi & Kanak-kanak (EIPIC):

Memberikan khidmat pembangunan dan terapi untuk bayi dan kanak-kanak berusia pra-sekolah yang berisiko mengalami kelewatan pembangunan bertahap sederhana hingga sangat parah

Perkhidmatan Kanak-kanak dan Belia SHINE:

Memberikan khidmat kerja sosial dan psikologi pendidikan kepada kanak-kanak, belia dan keluarga mereka

Agensi-agensi Perkhidmatan Sosial (SSAs) bagi kurang upaya yang khusus:

Contohnya, Pusat Sumber Autisme (ARC), Persatuan Disleksia Singapura (DAS) dan Persatuan Sindrom Down

⁶ <https://www.kkh.com.sg/>

⁷ <https://www.nuh.com.sg/>

⁸ <https://www.imh.com.sg/Clinical-Services/Outpatient-Clinics/Pages/Child-Guidance-Clinic.aspx>

⁹ <https://www.nuh.com.sg/our-services/Specialties/Paediatrics/Pages/default.aspx>

¹⁰ <https://www.sgenable.sg/Pages/Home.aspx>



MEMPERTIMBANGKAN PILIHAN

Di Singapura, Akta Pendidikan Wajib (CE)¹¹ mewajibkan persekolahan bagi kanak-kanak Warga Singapura yang menetap di Singapura dan dalam “usia persekolahan wajib”¹².

Kanak-kanak wajib menghadiri sekolah rendah nasional secara kerap melainkan mereka telah diberikan pengecualian. Sekolah rendah nasional merujuk kepada sekolah pemerintah atau sekolah bantuan pemerintah atau sekolah SPED yang dibiayai pemerintah.

¹¹ Untuk maklumat lanjut mengenai Akta CE usia wajib sekolah, sila lihat <https://www.moe.gov.sg/primary/compulsory-education>

¹² Di atas usia 6 tahun tetapi di bawah usia 15 tahun



Akta ini meletakkan tanggungjawab untuk memastikan anak-anak menghadiri sekolah secara kerap kepada ibu bapa dan ibu bapa dianggap telah memenuhi kewajiban CE mereka jika anak-anak mereka menamatkan pendidikan sekolah rendah.

Berkuat kuasa mulai tahun 2019, Akta CE menyertakan kanak-kanak¹³ SEN tahap sederhana hingga teruk yang perlu menghadiri sekolah-sekolah SPED yang dibiayai oleh pemerintah.

¹³ Dilahirkan selepas 1 Januari 2012

¹⁴ <https://www.moe.gov.sg/financial-matters/financial-assistance>



Skim bantuan kewangan¹⁴ disediakan di sekolah arus utama dan sekolah SPED untuk memastikan bahawa tiada kanak-kanak akan terhalang daripada menerima pendidikan atas sebab masalah kewangan. Anda boleh bertemu dengan kakitangan sekolah secara langsung jika keluarga anda memerlukan bantuan kewangan untuk pendidikan anak anda.



Skim Bantuan Kewangan



MEMAHAMI PENEMPATAN PENDIDIKAN YANG DISYORKAN


Seorang ahli profesional akan mengesyorkan jenis sekolah yang paling sesuai untuk menyokong keperluan anak anda, berdasarkan tahap keupayaan **kognitif** dan **adaptif** nya.

KEUPAYAAN KOGNITIF



Keupayaan kognitif merujuk kepada keupayaan berfikir, menumpukan perhatian, menjana idea, membuat pertimbangan dan mengingat sesuatu.

KEMAHIRAN ADAPTIF



Kemahiran adaptif¹⁵ merujuk kepada keupayaan untuk menangani tuntutan harian dalam kehidupan secara berdikari.

¹⁵ Termasuk kemahiran komunikasi, penjagaan diri, motor dan sosial



Penempatan Sekolah Arus Utama yang Disyorkan

Anak anda mungkin disyorkan untuk menghadiri sekolah arus utama sekiranya penilaiannya menunjukkan bahawa dia berupaya untuk menghadapi tuntutan yang diperlukan.

Ini bermakna bahawa penilaian anak anda menunjukkan bahawa dia

- Mempunyai **keupayaan kognitif** dan **kemahiran adaptif** yang mencukupi untuk mengikuti kurikulum nasional dan belajar dalam persekitaran pembelajaran arus utama.
- Hanya memerlukan sedikit sokongan tambahan disebabkan SEN seperti disleksia, ADHD, ASD ringan, kurang upaya daripada segi bahasa, deria atau fizikal

Anak anda boleh menerima sokongan daripada:

- 1 **Kakitangan khas** seperti *Guru-guru yang dilatih dalam Keperluan Khas (TSN)* dan *Pegawai Keperluan Pendidikan Khas (Pegawai SEN)* untuk membantu pelajar yang mempunyai SEN menyesuaikan diri dalam persekitaran sekolah.
- 2 **Program sokongan dan intervensi** yang memenuhi tahap dan keperluan pembelajaran yang berbeza:
 - *Program Sokongan Pembelajaran (LSP) dan Sokongan Pembelajaran Matematik (LSM) untuk murid-murid Darjah 1 - Darjah 2 yang memerlukan sokongan tambahan dalam kemahiran bahasa Inggeris/literasi dan kemahiran mengira*
 - *Program Pemulihan Disleksia Berasaskan Sekolah (SDR) untuk murid-murid Darjah 3 - Darjah 4 yang mempunyai disleksia*
 - *Para pelajar Darjah 1 yang mempunyai keperluan sosial dan kelakuan mungkin akan dikenal pasti oleh pihak sekolah untuk menerima sokongan melalui Sokongan Peralihan untuk Integrasi bagi Pelajar Baharu (TRANSIT) semasa tahun pertama mereka beralih ke sekolah rendah. Para pelajar akan mempelajari kemahiran pengurusan diri asas berdasarkan kurikulum yang merangkumi tabiat kerja, kemahiran sosial dan komunikasi serta kemahiran pengurusan emosi.*

1 GURU
30-40 PELAJAR

Di sekolah-sekolah arus utama, **kurikulum nasional** ditawarkan di dalam kelas yang terdiri daripada seorang guru yang mengajar **30 hingga 40 orang pelajar.**

3 **Kemudahan bebas halangan**¹⁶ untuk membantu kanak-kanak kurang upaya fizikal mengakses persekitaran pembelajaran dengan lebih baik.

4 **Perkhidmatan sokongan pendidikan** untuk kanak-kanak yang ketakdayaan penglihatan, hilang pendengaran dan/atau kurang upaya fizikal.

- Kakitangan SSA melawat sekolah untuk menilai keperluan para pelajar dan mengesyorkan peruntu pendidikan yang sesuai. Mereka juga memberi khidmat nasihat kepada guru-guru untuk membantu mereka memahami keperluan pembelajaran dan sosial pelajar-pelajar ini dengan lebih lanjut.

- Alat teknologi bantuan seperti peralatan Modulasi Frekuensi (FM), perisian teks-kepada-pertuturan dan kanta pembesar juga disediakan untuk menyokong keperluan pembelajaran mereka.

5 **Sekolah-sekolah arus utama yang terpilih** menyediakan sokongan khas untuk kanak-kanak yang hilang pendengaran atau ketakdayaan penglihatan tahap sederhana hingga melarat.



Kemudahan bebas halangan



Penempatan Sekolah SPED yang Disyorkan

Anak anda mungkin disyorkan untuk menghadiri **sekolah SPED** jika penilaiannya menunjukkan bahawa dia memerlukan sokongan yang lebih intensif dan disesuaikan.

Ini bermakna bahawa anak anda telah dinilai untuk meraih manfaat daripada sokongan tambahan dalam **membangunkan kemahiran adaptif** agar berupaya menghadapi persekitaran kumpulan dan/atau menjalani **kurikulum yang disesuaikan**. Dia mungkin memerlukan **tahap sokongan pendidikan yang lebih tinggi** disebabkan SEN seperti ASD, ID, kurang upaya deria atau fizikal yang ketara atau kurang upaya berpelbagai.

Anak anda boleh disokong melalui:

1 **Penyesuaian kurikulum** dan **sokongan** supaya guru dapat memberikan perhatian dan sokongan yang lebih baik kepada para pelajar secara individu.

2 **Kakitangan khas** mungkin termasuk:

Jenis-jenis SEN	Sekolah
Hilang Pendengaran (Pendekatan bahasa isyarat ¹⁷)	<ul style="list-style-type: none"> ■ Sekolah Rendah Mayflower¹⁸ ■ Sekolah Menengah Beatty
Hilang Pendengaran (Pendekatan Lisan ¹⁹)	<ul style="list-style-type: none"> ■ Sekolah Menengah Outram ■ Sekolah Menengah St. Anthony's Canossian
Ketakdayaan Penglihatan ²⁰	<ul style="list-style-type: none"> ■ Sekolah Menengah Ahmad Ibrahim ■ Sekolah Menengah Bedok South ■ Sekolah Menengah Dunearn

¹⁶ <https://www.moe.gov.sg/schoolfinder>

¹⁷ Bahasa isyarat ialah kaedah komunikasi dan arahan yang utama.

¹⁸ Mulai kohort K1 2022, kanak-kanak yang mengalami masalah pendengaran yang boleh memperoleh manfaat daripada pendedahan awal kepada bahasa isyarat akan menerima sokongan khusus di Tadika MOE di Sekolah Rendah Mayflower.

¹⁹ Menumpukan kepada pembangunan kemahiran bertutur dan mendengar untuk komunikasi dan arahan; pelajar sekolah rendah boleh menghadiri Sekolah Canossian (Sekolah SPED yang menawarkan kurikulum arus utama)

²⁰ Pelajar sekolah rendah boleh menghadiri Sekolah Lighthouse (Sekolah SPED yang menawarkan kurikulum arus utama dan kurikulum tersuai)

Ahli terapi pertuturan dan bahasa untuk menyokong pelajar dengan masalah pertuturan dan bahasa

Ahli terapi cara kerja untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran hidup adaptif

Ahli psikologi untuk memberikan penilaian dan sokongan intervensi

Pekerja sosial untuk menyediakan khidmat sokongan kehidupan keluarga (contohnya, kaunseling, menyediakan bantuan kewangan, sokongan penjaga dan adik-beradik)

3 **Peruntukan khusus** dan **kemudahan khas** yang mungkin termasuk bilik modulasi, bilik latihan vokasional dan bilik terapi cara kerja kemudahan-kemudahan ini berbeza dari sekolah ke sekolah, bergantung kepada keperluan para pelajar mereka.

4 **Kerjasama dengan sekolah-sekolah arus utama** yang mana terdapat aktiviti-aktiviti bersama untuk para pelajar berinteraksi dan belajar daripada satu sama lain.

Di semua sekolah-sekolah SPED, setiap pelajar mempunyai **Rancangan Pendidikan Individu (IEP)** yang **disesuaikan dengan keperluan pembelajarannya yang unik**. Ini mungkin berdasarkan kurikulum nasional di beberapa sekolah-sekolah SPED atau kurikulum yang disesuaikan bagi sekolah yang lain, bergantung kepada keperluan anak anda.

Kurikulum tersuai²¹ yang terdapat di sekolah-sekolah SPED direka berdasarkan Rangka Kerja Kurikulum SPED iaitu **'Hidup, Belajar dan Bekerja dalam Abad ke-21'**.

Kurikulum ini menetapkan hasil pendidikan yang diingini SPED dalam **Kehidupan, Pembelajaran dan Pekerjaan (LLW) dalam tujuh bidang pembelajaran teras** (komunikasi dan bahasa, numerasi, pembelajaran emosi-sosial, Kemahiran Kehidupan Harian (DLS), Pendidikan Vokasional (VE), seni dan pendidikan jasmani) dengan Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan sebagai asas bagi SPED berdasarkan nilai dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) sebagai pemerkasa bagi pengajaran dan pembelajaran dalam SPED.

Berdasarkan profil SEN anak anda, ahli profesional akan mengesyorkan sekolah SPED yang paling sesuai dengan keperluannya. Untuk maklumat lanjut mengenai pendidikan di sekolah SPED, sila rujuk kod QR di bawah:



Senarai sekolah-sekolah SPED yang menyokong keperluan yang berbeza²²

²¹ <https://www.moe.gov.sg/special-educational-needs/curriculum>
²² <https://www.moe.gov.sg/special-educational-needs/sped-schools>

MENGETAHUI LEBIH LANJUT TENTANG SEKOLAH-SEKOLAH

Dengan saranan ahli profesional, anda boleh mengetahui dengan lebih lanjut tentang **sokongan khusus** yang terdapat di sekolah yang memenuhi keperluan anak anda. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut, anda boleh:



Lawati laman web sekolah



Atur lawatan ke sekolah



Hadiri rumah terbuka



Bercakap dengan kakitangan sekolah

Anda juga boleh merujuk sumber-sumber yang berikut:



Sekolah-sekolah Arus Utama —
Buku kecil Pendidikan Sekolah Rendah²³



Sekolah-sekolah SPED —
Panduan Sekolah-Sekolah Pendidikan Khas Biayaan Pemerintah di Singapura dan Program yang ditawarkan²⁴

²³ <https://www.moe.gov.sg/primary/curriculum>
²⁴ <https://www.moe.gov.sg/special-educational-needs/sped-schools>



PERTIMBANGAN LAIN UNTUK DIFIKIRKAN

Jika ahli profesional tersebut telah mengesyorkan jenis sekolah yang mana terdapat lebih daripada sebuah sekolah, anda juga boleh mempertimbangkan yang berikut apabila mengenal pasti sekolah untuk anak anda:



Jarak dari rumah ke sekolah²⁵


Sekolah yang berdekatan dengan rumah anda dapat mengurangkan kos pengangkutan dan masa perjalanan yang lebih singkat, yakni kurang meletihkan untuk anak anda.

Sekolah tersebut juga menyediakan peluang lebih baik untuk anda menjalin hubungan yang kukuh dengan sekolah anak anda.



Minat anak anda

Pertimbangkan minat anak anda yang bukan bersifat akademik (contohnya, sukan, muzik, teknologi), dan kenal pasti sama ada sekolah itu menawarkan kegiatan luar darjah (CCA) dan aktiviti yang sepadan dengan minat ini.



Identiti sekolah

Pertimbangkan kekuatan unik setiap sekolah, seperti visi, misi, budaya dan Kumpulan Sokongan Ibu Bapa sekolah itu.

²⁵ <https://www.moe.gov.sg/schoolfinder?journey=Primary%20school>



SENARAI SEKOLAH- SEKOLAH SPED

Anda boleh merujuk daftar di bawah untuk senarai sekolah-sekolah SPED yang boleh menyokong keadaan diagnosis utama anak anda.

Nota: Semua maklumat tepat pada masa cetakan. Untuk maklumat terkini, sila rujuk laman web sekolah.

KAWASAN	SEKOLAH SPED	LOKASI
Gangguan Spektrum Autisme (ASD) dan Kurang Upaya Intelek		
Ang Mo Kio	Sekolah Chaoyang	10 Ang Mo Kio Street 54, Singapore 569184
Bedok	Sekolah AWWA @ Bedok	50 Bedok Reservoir Crescent, Singapore 479225
Bedok	Sekolah Katong	900 New Upper Changi Road, Singapore 467354
Bedok	MINDS - Sekolah Towner Gardens	1B Lengkong Lima, Singapore 417557
Bukit Batok	Sekolah Eden	101 Bukit Batok West Ave 3, Singapore 659168
Bukit Batok	Eden School 2	101 Bukit Batok West Ave 3, Singapore 659168*
Bukit Merah	Sekolah Tanglin	143 Alexandra Road, Singapore 159924
Choa Chu Kang	Sekolah Senior Delta	3 Choa Chu Kang Grove, Singapore 688237
Clementi	Sekolah Grace Orchard	170 West Coast Road, Singapore 127443*
Hougang	Sekolah AWWA @ Napiri	11 Lorong Napiri, Singapore 547532
Marine Parade	Sekolah Autisme St. Andrew	1 Elliott Road, Singapore 458686

KAWASAN	SEKOLAH SPED	LOKASI
Pasir Ris	Sekolah Maitri (2026)	30 Simei St 1, Singapore 529949*
Queenstown	MINDS – Sekolah Lee Kong Chian Gardens	802 Margaret Dr, Singapore 149311
Queenstown	Pusat Rainbow – Sekolah Margaret Drive	501 Margaret Drive, Singapore 149306
Sengkang	MINDS – Sekolah Fernvale Gardens	7 Fernvale Road, Singapore 797635
Tampines	Sekolah Metta	30 Simei St 1, Singapore 529949
Woodlands	MINDS – Sekolah Woodlands Gardens	30 Woodlands Ring Road, Singapore 737883
Woodlands	Pusat Rainbow – Sekolah Admiral Hill	11 Marsiling Lane, Singapore 739148*
Yishun	Pusat Rainbow – Sekolah Yishun Park	15 Yishun Street 61, Singapore 768548
Gangguan Spektrum Autisme (ASD) Tanpa Kurang Daya Upaya Intelek <i>(Sekolah-sekolah ini menawarkan kurikulum nasional)</i>		
Ang Mo Kio	Sekolah Pathlight	5 Ang Mo Kio Ave 10, Singapore 569739
Ang Mo Kio	Sekolah Pathlight 2	6 Ang Mo Kio Street 44, Singapore 569250*
Ang Mo Kio	Sekolah Pathlight 3	6 Ang Mo Kio Street 44, Singapore 569250*
Bukit Batok	Sekolah Misi St. Andrew	11 Bukit Batok Street 25, Singapore 658712*
Kurang Daya Upaya Intelek Ringan		
Ang Mo Kio	Sekolah Chaoyang	10 Ang Mo Kio Street 54, Singapore 569184
Bedok	Sekolah Katong	900 New Upper Changi Road, Singapore 467354
Bukit Merah	Sekolah Tanglin	143 Alexandra Road, Singapore 159924

KAWASAN	SEKOLAH SPED	LOKASI
Choa Chu Kang	Sekolah Senior Delta	3 Choa Chu Kang Grove, Singapore 688237
Clementi	Sekolah Grace Orchard	170 West Coast Road, Singapore 127443*
Tampines	Sekolah Metta	30 Simei St 1, Singapore 529949
Kurang Daya Upaya Intelek Sederhana hingga Parah		
Bedok	MINDS – Sekolah Towner Gardens	1B Lengkok Lima, Singapore 417557
Queenstown	MINDS – Sekolah Lee Kong Chian Gardens	802 Margaret Dr, Singapore 149311
Sengkang	MINDS – Sekolah Fernvale Gardens	7 Fernvale Road, Singapore 797635
Woodlands	MINDS – Sekolah Woodlands Gardens	30 Woodlands Ring Road, Singapore 737883
Kurang Daya Upaya Pelbagai		
Hougang	Sekolah AWWA @ Napiri	11 Lorong Napiri, Singapore 547532
Pasir Ris	Sekolah Perikatan Palsi Serebral Singapura	65 Pasir Ris Drive 1, Singapore 519529
Queenstown	Pusat Rainbow – Sekolah Margaret Drive	501 Margaret Drive, Singapore 149306
Yishun	Pusat Rainbow – Sekolah Yishun Park	15 Yishun Street 61, Singapore 768548
Kurang Daya Upaya Deria		
Aljunied	Sekolah Canossian	1 Sallim Road, Singapore 387621
Toa Payoh	Sekolah Lighthouse	51 Toa Payoh Rise, Singapore 298106

LOKASI SEKOLAH-SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS

MINDS — Sekolah
Woodlands Gardens

Pusat Rainbow —
Sekolah Admiral Hill

Sekolah Misi St. Andrew

Sekolah Senior Delta

Sekolah Eden

Eden School 2

Sekolah Grace Orchard

Pusat Rainbow — Sekolah Margaret Drive

MINDS —
Sekolah Lee Kong Chian Gardens

Sekolah Tanglin

Pusat Rainbow —
Sekolah Yishun Park

Sekolah Chaoyang

MINDS —
Sekolah Fernvale Gardens

Sekolah AWWA @ Napiri

Sekolah Perikatan Palsi
Serebral Singapura

Sekolah Metta

Sekolah Maitri (2026)



Sekolah Katong

Sekolah Autisme St. Andrew

Sekolah AWWA @ Bedok

MINDS —
Sekolah Towner Gardens

Sekolah Canossian

Sekolah Pathlight 3

Sekolah Pathlight 2

Sekolah Pathlight

Sekolah Lighthouse

* Distribusi sekolah-sekolah SPED di Singapura pada Feb 2022

MEMOHON TEMPAT DI SEKOLAH

Sebaik sahaja anda mengenal pasti sekolah yang paling sesuai untuk keperluan anak anda, anda boleh membuat pendaftaran di sekolah tersebut.



DAPATKAN BUTIR-BUTIR PROSES PERMOHONAN

Sekiranya anak anda boleh mendapat sokongan yang lebih baik di sekolah **arus utama**, sertai

Sekiranya anak anda boleh mendapat sokongan yang lebih baik di **sekolah SPED**, dapatkan butir-butir

Latihan
Pendaftaran
Darjah Satu²⁶



Proses
Permohonan
Sekolah SPED²⁷



²⁶ <https://www.moe.gov.sg/primary/p1-registration>

²⁷ <https://www.moe.gov.sg/special-educational-needs/apply>



SEDIAKAN DOKUMEN- DOKUMEN PENTING

Sekolah-sekolah Arus Utama



Untuk memohon sekolah **arus utama**, sila pastikan anda menyiapkan dokumen-dokumen yang diperlukan seperti yang tersenarai di

<https://www.moe.gov.sg/primary/p1-registration>

Sekolah-sekolah SPED



Untuk memohon **sekolah SPED**, sila muat turun **Borang Permohonan Sekolah SPED²⁸** dari

<https://www.moe.gov.sg/-/media/files/special-education/sped-school-application-form.docx>

Semasa melengkapkan borang, sila rujuk kepada panduan pengguna yang disertakan di

<https://www.moe.gov.sg/-/media/files/special-education/sped-school-application-user-guide.pdf>



²⁸ Ini borang standard yang perlu dilengkapkan untuk semua kanak-kanak yang memohon ke sebarang sekolah SPED yang dibiayai MOE dan Majlis Khidmat Sosial Kebangsaan (NCSS).

Agensi rujukan boleh membantu anda melengkapkan borang dan menyerahkannya kepada sekolah SPED yang berkenaan.

Agensi-agensi rujukan termasuk:

- Sekolah-sekolah pemerintah dan sekolah bantuan pemerintah
- Sekolah-sekolah SPED
- Hospital pemerintah/hospital yang disusun semula
- Pusat-pusat EIPIC
- Ahli profesional swasta (yang pernah bekerja rapat dengan anak anda)

Permohonan hanya boleh diproses jika semua dokumen yang diperlukan diterima dengan sempurna. Maklumat yang tertinggal atau tidak tepat boleh menyebabkan permohonan anda lewat diproses.

Untuk maklumat lanjut tentang kriteria atau proses kemasukan, sila layari laman web sekolah-sekolah SPED yang berkenaan.



AMBIL PERHATIAN TARIKH-TARIKH PENTING

Sekolah-sekolah Arus Utama



Setelah anda menyenarai pendek sekolah-sekolah arus utama untuk anak anda, periksa fasa pendaftaran²⁹ kelayakan untuk anak anda dan tarikh untuk mendaftarkan anak anda.

²⁹ <https://www.moe.gov.sg/primary/p1-registration/registration-phases-key-dates>

Sekolah-sekolah SPED

Sebaik sahaja anda menyenarai pendek sekolah-sekolah SPED untuk anak anda, anda boleh melayari laman web sekolah-sekolah tersebut untuk mendapatkan maklumat lanjut. Sesetengah sekolah SPED menganjurkan Rumah Terbuka yang boleh dikunjungi oleh ibu bapa yang berminat.

Sila ambil perhatian tarikh-tarikh penting bagi Rumah Terbuka dan tarikh-tarikh tutup bagi permohonan dan pendaftaran.



Dapatkan penilaian untuk anak anda

Pastikan anak anda dinilai **sekurang-kurangnya enam bulan** sebelum tarikh tutup permohonan supaya semua dokumen dapat disediakan dalam masa yang ditetapkan.

Serahkan permohonan sebelum tarikh tutup yang ditetapkan sekolah

Setiap sekolah-sekolah SPED mempunyai tempoh pengambilan kemasukan pelajar yang berbeza; ada yang mungkin mempunyai lebih daripada satu pengambilan kemasukan pelajar setiap tahun.


Beberapa sekolah-sekolah SPED mungkin mempunyai tarikh tutup kemasukan seawal setengah tahun pertama tahun tersebut, maka penting untuk memeriksa tarikh tutup awal.

Daftarkan anak anda

Daftar anak anda di sekolah mengikut garis masa dalam Surat Tawaran untuk mengesahkan tempat.



Hubungi sekolah atau agensi rujukan jika anda **mempunyai pertanyaan** tentang permohonan anda.



Sekiranya sekolah SPED yang anda nyatakan dalam borang permohonan **tidak sesuai** untuk anak anda, sekolah SPED tersebut akan mendapatkan nasihat daripada **Panel Penasihat Pelbagai Agensi (MAAP)³⁰ MOE** untuk mengesyorkan **sekolah SPED alternatif** yang dapat memenuhi keperluan pembelajaran anak anda.



Sementara menunggu pengesahan tempat di sekolah SPED tersebut, anda harus terus **bekerja rapat** dengan **sekolah anak anda pada masa ini** untuk menyokong pembelajarannya.

³⁰ Terdiri daripada para profesional dalam bidang pendidikan dan kesihatan daripada sektor pemerintah, sosial dan kesihatan, serta kakitangan sekolah SPED.

4

MENYOKONG PERALIHAN ANAK ANDA

Pengalaman ke sekolah baharu, sama ada sekolah arus utama atau sekolah SPED, menarik dan pada masa yang sama boleh memberikan tekanan.

Sebilangan kanak-kanak mungkin mendapati pengalaman ini mencabar disebabkan banyak perubahan yang perlu dihadapi terutamanya mereka yang mempunyai SEN. Anda dan keluarga anda memainkan peranan penting dalam membantu anak anda menangani perubahan-perubahan ini.



BEKERJA RAPAT DENGAN SEKOLAH SEKARANG DAN SEKOLAH BAHARU

Kerjasama yang kukuh antara **rumah** dengan **sekolah sekarang** dan **sekolah baharu** anak anda adalah penting bagi peralihan anak anda.



Sekolah Sekarang

Sebelum anak anda mendaftar di sekolah baharu, bincangkan dengan guru yang mengajar anak anda sekarang tentang cara-cara untuk membantunya bersedia secara mental untuk peralihan ke sekolah baharu. Kekalkan komunikasi ini sepanjang proses peralihan untuk memastikan pemindahan yang lancar ke sekolah baharu.



Setelah mendaftarkan anak anda di sekolah baharu, anda perlu bekerja rapat dengan sekolah baharu tersebut untuk menyokong peralihan anak anda.

MEMAHAMI SEKOLAH BAHARU

Hadiri program orientasi untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang budaya dan amalan sekolah, peruntukan SEN serta sebarang sokongan tambahan untuk membantu anak anda beralih dengan lancar. Temui guru-guru dan pendidik bersekutu/ahli profesional kesihatan anak anda untuk mengetahui tentang rutin (contohnya jadual kelas anak anda) dan program sekolah.

KONGSI MAKLUMAT TENTANG ANAK ANDA

Bersikap terbuka apabila berkongsi maklumat tentang anak anda supaya sekolah baharunya tahu cara untuk merancang dan memberikan sokongan kepadanya. Ini termasuk kebolehan, keperluannya dan sokongan yang sedang/ pernah diterimanya.

BEKERJASAMA UNTUK MEMASTIKAN SOKONGAN YANG BERKESAN

Bekerjasama dengan sekolah untuk memastikan ketekalan dalam pengajaran dan sokongan untuk anak anda di rumah dan juga di sekolah.

BERKOMUNIKASI SECARA KERAP

Kekalkan komunikasi terbuka (panggilan telefon, emel, pertemuan) dengan kakitangan sekolah. Maklumkan kepada pihak sekolah cara yang terbaik untuk mereka bekerjasama dengan anda.



MEMPERSIAPKAN ANAK ANDA UNTUK PERALIHAN

1 MEMBIASAKAN ANAK ANDA DENGAN PERSEKITARAN

Anda boleh membantu anak anda menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah baharu dengan membawanya **melawat sekolah tersebut** dan **menghadiri program orientasi**.

Anda juga boleh bercakap dengannya tentang **rutin harian sekolah** seperti acara menaikkan bendera, waktu rehat dan perhimpunan.



2 MEMBANTU ANAK ANDA MENYESUAIKAN DIRI DENGAN SEKOLAH BAHARU

Anda boleh membantu anak anda menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah baharu dengan:

- Mengajarkan anak anda beberapa **tingkah laku yang sesuai dan dijangkakan** (contohnya, mendengar dan mengikut arahan, memberi perhatian semasa waktu pelajaran, menjaga adab tangan dan kaki).
- Mengajarkan anak anda kemahiran penjagaan diri dan komunikasi asas (contohnya meminta bantuan, pergi ke tandas, cara untuk berkomunikasi tentang keperluan dan keinginan).
- Menetapkan **rutin harian yang baik** untuk anak anda (contohnya, menyiapkan beg sekolahnya sebelum tidur, tidur awal, mengambil sarapan yang sihat sebelum ke sekolah).

MEMBERI GALAKAN KEPADA ANAK ANDA

Peralihan ke sekolah baharu mungkin sukar bagi anak anda. Oleh sebab itu, penting untuk anda menggalakkannya supaya bersikap positif dan yakin untuk memasuki sekolah baharu.

■ Bincangkan keprihatinan

Luangkan masa untuk membincangkan dan menangani sebarang keprihatinan yang mungkin anak anda rasakan mengenai peralihannya. Tunjukkan rasa empati kepada anak anda dan iktiraf emosinya (contohnya, tidak mengapa jika berasa gementar pada hari pertama persekolahan).

Yakinkan anak anda bahawa dia boleh datang berjumpa anda atau guru-gurunya pada bila-bila masa sekiranya dia menghadapi sebarang masalah di sekolah.

■ Bersikap positif

Berikanlah galakan positif melalui kata-kata dan tindakan dan berkongsi dengannya bahawa sekolah merupakan sebuah tempat yang menyeronokkan.

■ Membina rasa teruja

Tanganilah kebimbangan anak anda tentang memulakan sekolah baharu dengan mengimbangnya dengan sesuatu yang disukainya.

Anda boleh membuat anak anda rasa teruja dengan cara-cara yang berikut:

Berkongsi cerita peribadi anda sendiri ketika memulakan persekolahan

Melibatkan anak anda dalam persiapan untuk ke sekolah (contohnya, membeli keperluan sekolah bersama-sama)

Menyenaraikan perkara-perkara yang anak anda akan lalui di sekolah baharu (contohnya membuat kawan baharu)



APAKAH KEMAHIRAN YANG DIPERLUKAN OLEH ANAK ANDA DI SEKOLAH?

Berdasarkan tahap keupayaan **adaptif** dan **kognitif** anak anda, ahli professional akan mengesyorkan jenis sekolah yang paling sesuai untuk menyokong keperluan anak anda.

Ahli professional mungkin akan mengesyorkan anak anda untuk menghadiri sekolah arus utama atau sekolah SPED.

Semasa waktu sekolah, pelajar di sekolah arus utama dikehendaki untuk:



Sekolah-sekolah SPED mungkin akan menyesuaikan bentuk sokongan yang diberikan kepada para pelajar untuk urusan di atas, bergantung kepada keperluan pelajar.

BILA DAN BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT PERSEDIAAN KE SEKOLAH?

Tahun sebelum pendaftaran Darjah 1 (K1)

- 1 **Berbincang dengan ahli professional dan guru-guru** yang menguruskan anak anda mengenai sekolah yang sesuai untuk anak anda dan tahap kesediaannya untuk ke sekolah.

Mengetahui dengan lebih lanjut tentang sekolah-sekolah termasuk sokongan khusus di sekolah arus utama dan SPED. Untuk mengetahui lebih lanjut, anda boleh

- Lawati laman web sekolah
- Atur lawatan ke sekolah
- Hadiri rumah terbuka
- Bercakap dengan kaki tangan sekolah semasa acara tersebut

Untuk membuat permohonan ke sekolah SPED, pastikan anak anda telah mendapatkan penilaian oleh ahli profesional (cth. doktor, pakar psikologi, ahli terapi di hospital pemerintah/hospital yang disusun semula) sekurang-kurangnya enam bulan sebelum tarikh tutup permohonan untuk menyiapkan dokumen-dokumen yang diperlukan. Sila pertimbangkan waktu menunggu untuk mendapatkan temu janji untuk penilaian.

Tahun pendaftaran Darjah 1 (K2)

- 2 **Persediaan untuk membuat permohonan ke sekolah arus utama atau SPED:**
 - Buat penilaian kesediaan anak anda untuk ke sekolah
 - Persiapkan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk membuat permohonan
- 3 **Serahkan permohonan ke sekolah arus utama atau SPED**
 - Untuk memohon sekolah arus utama, sertailah Latihan Pendaftaran Darjah 1 pada awal bulan Julai.
 - Untuk memohon sekolah SPED, setiap sekolah SPED mempunyai tempoh pengambilan kemasukan pelajar yang berbeza dan ada yang mempunyai tarikh tutup kemasukan seawal setengah tahun pertama.

Setelah mendaftarkan anak anda di sekolah yang baharu

- 4 **Bekerjasama dengan sekolah baharu**
 - Berkongsi maklumat tentang anak anda supaya sekolah baharunya tahu cara untuk merancang dan memberikan sokongan kepadanya.
 - Kekalkan komunikasi terbuka untuk memaklumkan kepada pihak sekolah cara yang terbaik untuk bekerjasama dengan anda.
 - Bekerjasamalah dengan sekolah untuk memastikan ketekalan dalam sokongan untuk anak anda di rumah dan juga di sekolah.
- 5 **Persiapkan anak anda untuk peralihan**
 - Membiasakan anak anda dengan persekitaran sekolah baharunya.
 - Mengajarkan anak anda rutin harian yang baik, kemahiran penjagaan diri yang asas dan kemahiran komunikasi.


5 MAKLUMAT LANJUT: LALUAN-LALUAN PENDIDIKAN

Berikut merupakan laluan yang boleh diambil oleh anak anda dalam perjalanan pendidikannya dari usia 7 hingga 21 tahun. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang laluan³¹ yang boleh diambil oleh anak anda, dapatkan nasihat ahli profesional yang mengurus anak anda atau sekolah anak anda.

Laluan Pendidikan untuk pelajar-pelajar yang mempunyai SEN

³¹ <https://www.moe.gov.sg/special-educational-needs/educational-journey>

CATATAN



CATATAN





Ministry of Education
SINGAPORE

51 Grange Road
Singapore 249564
www.moe.gov.sg